



NOTIS MAKLUMAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH SURAT KELULUSAN BERSYARAT PEKERJA ASING

Kementerian Dalam Negeri (KDN) menerima banyak permohonan daripada pihak majikan untuk melanjutkan tempoh Surat Kelulusan Bersyarat Pekerja Asing yang telah tamat tempoh. Ini kerana banyak majikan yang tidak dapat membawa masuk pekerja asing mengikut kuota yang diluluskan dalam tempoh yang ditetapkan ekoran daripada Perintah Kawalan Pergerakan dan moratorium kemasukan pekerja asing baharu yang masih berkuat kuasa.

Sehubungan dengan itu, majikan boleh **mengemukakan permohonan pelanjutan selepas Kerajaan membenarkan kemasukan pekerja asing baharu**. Pertimbangan pelanjutan hanya untuk Surat Kelulusan Bersyarat Pekerja Asing yang telah **tamat tempoh pada bulan 1 Mac 2020 sehingga 30 September 2021**.

Semua maklumat dan syarat di atas **adalah tertakluk kepada sebarang perubahan keputusan dan dasar yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa**. Majikan adalah dipohn untuk sentiasa mendapatkan maklumat terkini berkaitan perkara ini melalui portal dan saluran media sosial rasmi KDN. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh diajukan terus ke talian berikut : 03-8885 2939/2940.

Sekian, terima kasih.

**BAHAGIAN PENGURUSAN PEKERJA ASING
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

27 DISEMBER 2021